

17/07/2002

Pilihan raya kecil dedah cara buruk kempen Pas

KEMPEN pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit yang berakhir hari ini, jelas menunjukkan wajah sebenar anggota dan penyokong Pas. Sikap parti pembangkang itu yang selama ini suka menabur fitnah dan memaki hamun pemimpin Umno diburukkan lagi dengan tindakan ala samseng dan tidak sopan sesetengah anasir yang turut aktif berkempen. Antaranya ada yang tergamak menyelak kain ketika berdepan dengan anggota Wanita dan Puteri Umno yang gigih berkempen sejak penamaan calon 9 Julai lalu. Cara kempen memalukan itu ditambah dengan serangan fizikal terhadap petugas Umno, merampas kad pengenalan dan mengugut pengundi, menghalang mereka yang berkempen untuk Barisan Nasional memasuki sesetengah kawasan atau kampung. Semua perbuatan yang keterlaluan itu mencemar kempen kali ini dan adalah lebih teruk lagi berbanding pada pilihan raya kecil yang lalu seperti di Lunas.

Apa yang berlaku itu memberi gambaran Pas yang mendakwa mendukung prinsip Islam dalam perjuangannya sebenarnya tidak mengikut lunas-lunas agama. Ini jelas apabila ada diantara pemimpinnya turut melempar pelbagai fitnah terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalan beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta pemimpin lain khususnya calon BN iaitu Datuk Othman Abdul (Pendang) dan Datuk Zakaria Said (Anak Bukit). Tuduhan-tuduhan melulu terus dilemparkan terhadap Dr Mahathir dan Abdullah. Kempen kali ini lebih tercemar dengan pengedaran berbagai risalah di kedua kawasan itu yang amat menjijikkan hingga tergamak menyifatkan Abdullah sebagai penjual babi manakala Dr Mahathir pula diibaratkan sebagai sama dengan paderi besar gereja hanya kerana pertemuannya beliau dengan Pope di Vatican baru-baru ini. Islam menegah umatnya menabur fitnah tetapi anehnya Pas yang bermegah sebagai sebuah parti Islam mengamalkan corak kempen bertentangan dengan ciri-ciri keIslaman.

Corak berkempen yang dilakukan di kedua kawasan yang menjadi rebutan tidak syak lagi bercanggah dengan makna dan tujuan sebenar kempen pilihan raya atau berpolitik. Isu faedah untuk rakyat setempat seperti soal pembangunan dan kebajikan untuk mereka seolah-olah tidak penting dan bermakna lagi. Usaha pembangunan tidak ada dalam agenda politik dan kempenya. Apa yang menjadi bahan yang dilaung-laungkan ialah serangan-serangan peribadi yang diada-adakan terhadap pimpinan dan calon-calon BN (Umno). Tidak hairanlah Pas dalam kempenya tidak langsung menyebut program bagi kepentingan penduduk sebaliknya banyak memberi ucapan bertujuan membangkitkan kebencian rakyat terhadap kerajaan dan pemimpin. Sememangnya pembangunan di kedua kawasan itu ketika di pegang Pas melalui Allahyarham Datuk Fadzil Nor telah terabai. Apa-apa pembangunan prasarana dan faedah lainnya bagi penduduk kedua kawasan itu banyak berlaku sewaktu ia diwakili Umno. Hendaknya penduduk di Pendang dan Anak Bukit dapat menilai sendiri kewibawaan, ketrampilan dan hasil kemajuan dibawa oleh kerajaan berdasarkan pencapaian selama ini. Pengundi juga harus telah boleh menilai di antara kedua parti mana yang boleh memberikan kebajikan dan membawa pembangunan dan mana yang hanya mahu kuasa politik dengan memperalat dan mempersendakan Islam.